



SIARAN MEDIA

PERKESO MEMBANTU PEKERJA TERBENCANA UNTUK BANGKIT SEMULA MENERUSI PROGRAM HILANG UPAYA DAN RETURN TO WORK

KLANG, SELANGOR – Seorang pekerja yang dilindungi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) hari ini mendapat sinar baharu dalam hidupnya apabila beliau bukan sahaja diberikan peralatan sokongan pemulihan untuk meneruskan aktiviti harian setelah kaki kirinya diamputasi hingga paras bawah lutut, malah beliau akan menjalani rehabilitasi fizikal dan vokasional secara intensif untuk membolehkannya berdikari dan kembali meneruskan pekerjaan untuk menyara diri dan keluarga.

Menteri Sumber Manusia, Tuan V. Sivakumar yang berkunjung ke rumah **Cik Jancey Rani A/P Rajindran**, telah menyampaikan sebuah **Kaki Palsu yang ditambah baik, Kerusi Roda, Surat Tawaran menjalani rawatan pemulihan di Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak (PRPTAR)** dan juga **Surat Tawaran untuk penyertaan dalam Program Return to Work (RTW)** kepada beliau.

Cik Jancey yang sebelum ini bekerja sebagai Pegawai Perkhidmatan Pelanggan di **City-Link Express HQ** di Glenmarie, Shah Alam, dilindungi PERKESO di bawah **Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969**.

Berusia 43, Cik Jancey menghidap kencing manis sejak berusia 19 tahun lagi. Beliau mula menghadapi masalah kesihatan berkaitan penyakit kencing manis sejak tahun **2018** apabila berlaku luka kecil di jari kedua kaki kiri yang merebak sehingga perlu dipotong. Malangnya, keadaan yang sama berulang pada tahun **2020** apabila jari kelingking kaki kiri pula terpaksa dipotong akibat jangkitan kuman. Pada **Mei 2022, kaki kirinya pula**

terpaksa diamputasi sehingga paras bawah lutut oleh doktor di Hospital Tengku Ampuan Rahimah untuk mengelak komplikasi kesihatan akibat jangkitan kuman yang teruk.

Beliau kemudiannya menjalani rawatan pemulihan dan menerima kaki palsu pertama pada Oktober 2022 setelah pihak hospital memohon kaki palsu untuknya menerusi Sistem Inspire PERKESO. Walau bagaimanapun, Cik Jancey kurang sesuai dengan kaki palsu tersebut.

Beliau telah membuat permohonan untuk **Pencen Ilat** PERKESO. Namun berdasarkan penilaian oleh panel Jemaah Doktor, beliau disahkan tidak mengalami keilangan. PERKESO juga telah **meluluskan rawatan rehabilitasi** untuknya di **PRPTAR Melaka** namun beliau masih belum menjalani rawatan tersebut.

Prihatin dengan situasi Cik Jancey, wakil PERKESO telah melawat beliau di rumahnya pada **31 Januari dan 3 Februari tahun ini** untuk mengetahui lebih lanjut keperluan beliau serta memberi galakan dan motivasi kepadanya. Kunjungan oleh Pengurus PERKESO Klang, Skuad PERKESO Prihatin (SPP) Klang dan juga Pengurus Kes RTW ini mendapati Cik Jancey mempunyai potensi besar untuk kembali bekerja sekiranya diberikan rehabilitasi, bimbingan dan sokongan yang sewajarnya. Beliau juga layak menerima peralatan pemulihan seperti kerusi roda dan tongkat.

Cik Jancey dijangka akan bekerja semula dengan majikannya sebelum ini iaitu **City-Link Express HQ** di Glenmarie, Shah Alam setelah selesai menjalani rawatan rehabilitasi di Melaka.

Dengan pekerjaan yang menanti Cik Jancey kelak, beliau boleh berdikari dengan pendapatan tetap untuk menyara diri dan keluarga. Beliau yang masih bujang tinggal bersama ibu, Sukamangai A/P Nadasan dan adik lelaki, Archunan A/L Rajindran, 42, di Taman Sentosa, Klang. Mereka sekeluarga boleh menghela nafas lega demi kelangsungan hidup walaupun Cik Jancey mengalami musibah yang tidak dijangka.

Bantuan dan sokongan PERKESO menerusi program pengurusan hilang upaya, RTW PERKESO serta rehabilitasi fizikal dan vokasional di PRPTAR Melaka, tentunya membantu kehidupan keluarga ini di mana Puan Sukamangai, 65, merupakan pesakit kanser manakala Archunan, 42, hanyalah seorang operator kilang.

Perlindungan keselamatan sosial yang disediakan PERKESO bukan sahaja meliputi **pampasan kewangan seperti bayaran faedah**, tetapi juga **pengurusan hilang upaya** dan **sokongan intensif** untuk membolehkan pekerja yang mengalami bencana kerja atau penyakit kembali ke alam pekerjaan, memperoleh pendapatan sendiri serta aktif semula dalam kehidupan bermasyarakat.

PERKESO percaya, pekerja yang mengalami kekangan dan cabaran fizikal akibat kemalangan pekerjaan atau penyakit namun masih mempunyai potensi untuk kembali bekerja, mampu bangkit semula dengan bantuan dan sokongan PERKESO menerusi rawatan pemulihan dan Program RTW. Mereka boleh, sebaik mungkin, kembali kepada kehidupan asal, berdikari, memperoleh pekerjaan yang sesuai dan bermotivasi untuk kembali kepada kehidupan asal sebelum musibah berlaku.

PERKESO kini melindungi golongan pekerja dalam sektor formal, pekerja domestik, pekerja asing, individu bekerja sendiri dan suri rumah. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web rasmi PERKESO **www.perkeso.gov.my** atau hubungi talian **Careline PERKESO 1-300-22-8000**.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

21 Februari 2023

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Hamisah Hamid di talian + 6019 – 3833 605.